

**DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KETIGA BELAS
NEGERI SABAH**

ATURAN URUSAN MESYUARAT

<http://www.sabah.gov.my/dun>

SELASA, 21 APRIL 2009, JAM 10:00 PAGI

Bil. 03

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

1. **Y.B. Tuan Dr. Joachim Gunsalam [Kundasang]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN, apakah perancangan kerajaan untuk membantu memperbaiki tahap kebersihan di Pekan Kundasang.
2. **Y.B. Datuk Haji Syed Abas Syed Ali [Balung]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, kenapakah pembinaan jambatan baru Sungai Apas parit terlewat dari jadual dan apakah tindakan Kementerian Pembangunan Infrastruktur untuk memastikan jambatan yang amat diperlukan oleh penduduk akan siap dalam waktu terdekat tanpa memkompromi kualiti dan keselamatan pengguna.
3. **Y.B. Tuan Justin Guka [Bingkor]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA:-
 - i) Apakah matlamat dan sasaran utama program ‘Cari’ yang dianjurkan oleh kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Masyarakat; dan
 - ii) Siapakah sasaran program ini dan berapa peruntukan kerajaan untuk program ini.
4. **Y.B. Tuan Saddi bin Haji Abdu Rahman [Sukau]** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah jenis bantuan dan ganti rugi yang telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan banjir baru-baru ini seperti di Kinabatangan, Pitas, Kota Marudu dan lain-lain lagi. Jika ada, berapa jumlahnya.
5. **Y.B. Datuk Haji Mohd. Arifin Bin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, apakah usaha dan perkembangan terkini langkah kerajaan untuk menambah penghasilan padi menerusi pembukaan tanah baru.
6. **Y.B. Datuk Zakaria Haji Mohd. Edris [Gum-Gum]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN, adakah pihak kementerian telah mengenal pasti daerah yang berpotensi untuk industri kecil kraf tangan secara kecil-kecilan dan sederhana. Jika ada berapakah peruntukan yang disediakan seluruh Negeri Sabah.
7. **Y.B. Datuk Hajah Hamisa Binti Samat [Tanjong Batu]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN MENTERI PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, berapa ramaikah jumlah pekerja yang dibuang kerja

akibat krisis ekonomi sekarang dan sektor yang paling banyak terjejas dan adakah pihak kementerian menyediakan insentif kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan.

8. **Y.B. Puan Melanie Chia Chui Ket (Luyang)** bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN, apakah tindakan yang diambil untuk menangani penghijrahan belia Sabah yang selalu diperdayakan oleh agensi-agensi tertentu ke Semenanjung Malaysia dan Singapura.
9. **Y.B. Datuk Haji Mohd. Arifin Bin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR:-
 - i) Setakat manakah prestasi pelajar Sabah di negeri ini dalam peperiksaan PMR dan SPM;
 - ii) Sejauh manakah keberkesanan projek SAGA dalam meningkatkan prestasi pelajar.
10. **Y.B. Tuan Saddi bin Haji Abdu Rahman [Sukau]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN, dalam konteks Bajet 2008 Negeri Sabah yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini, berapakah yang diagihkan untuk tujuan pembangunan bagi Daerah Kinabatangan.
11. **Y.B. Tuan Nilwan bin Kabang [Kunak]** bertanya kepada MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, apakah langkah-langkah pihak Kementerian Pelajaran dalam menangani masalah ketidaksempurnaan prasarana sekolah seperti kerusi, meja yang rosak serta patah dan tandas yang tidak dibaiki yang boleh mendatangkan masalah kepada murid-murid sekolah dan juga para guru-guru sekolah khususnya di Daerah Kunak.
12. **Y.B. Datuk Haji Surady Kayong [Sugut]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, bilakah bekalan elektrik dapat dibekalkan di kawasan Paitan / Sugut.
13. **Y.B. Datuk Samsudin Yahya [Sekong]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, apakah usaha dan langkah kerajaan bagi membantu mereka yang terlibat mendapatkan pekerjaan baru atau latihan dalam industri bagi menjamin kebajikan dan masa depan mereka.
14. **Y.B. Tuan Haji Ahmad Haji Bujang [Sindumin]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA, berapa ramaikah di antara penagih yang telah ditangkap yang terdiri dari pegawai kerajaan dan apakah kategori kesalahan yang telah dilakukan mereka.
15. **Y.B. Tuan Dr. Joachim Gunsalam [Kundasang]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, adakah

kerajaan bercadang untuk membina satu lagi Loji Rawatan Air di Sungai Mokodou Ranau bagi menokok tambah kapasiti loji air sedia ada di Daerah Ranau yang mendapatkan sumber dari Sungai Liwagu yang tercemar dengan usaha-usaha pertanian di kawasan Kundasang dan sekitarnya.

16. **Y.B. Datuk Haji Mohd. Arifin Bin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada KETUA MENTERI, berapakah statistik kes denggi/malaria di Negeri Sabah dan apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan dalam mencegah situasi ini.
17. **Y.B. Datuk Haji Ramlee Marahaban [Bugaya]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, berikutan dengan laporan media mengenai kewujudan kapal-kapal nelayan asing di perairan Negeri Sabah, bolehkah pihak kementerian berkenaan menjelaskan sebab-sebab kelulusan diberikan kepada pemilik-pemilik kapal-kapal nelayan asing berkenaan untuk berada di perairan Negeri Sabah.
18. **Y.B. Tuan Saddi bin Haji Abdu Rahman [Sukau]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN, adakah pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan sedar bahawa ada pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Daerah tidak menjemput Wakil Rakyat/ADUN menghadiri mesyuarat Ahli Majlis Daerah. Jika sedar, apakah tindakan yang diambil bagi menangani masalah ini.
19. **Y.B. Datuk Hajah Hamisa Binti Samat [Tanjong Batu]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, adakah peruntukan disediakan untuk menangani, membaik pulih jalan raya dan cerun-cerun di Jalan Kalabakan.
20. **Y.B. Puan Melanie Chia Chui Ket (Luyang)** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan bahagian bantuan guaman untuk wanita, khasnya ibu-ibu tunggal untuk mengadu masalah mereka dan membantu mereka dengan sewajarnya.
21. **Y.B. Datuk Hajah Hamisa Binti Samat [Tanjong Batu]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA, berapa jumlahkah penerima Projek Cari sejak dilancarkan dan apakah bentuk bantuan susulan diberi selepas bantuan pertama diberikan.
22. **Y.B. Tuan Johnny Goh (Inanam)** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA, apakah bentuk bantuan melalui Jabatan Kebajikan Perkhidmatan Kebajikan Am yang diberikan kepada mereka yang layak melalui Program Jabatan Ketua Menteri Cari 1/2008 yang sedang dilakukan sekarang.
23. **Y.B. Datuk Samsudin Yahya [Sekong]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN, tidakkah kerajaan berhasrat untuk menambahkan lagi jumlah peruntukan dalam

Bajet Negeri 2009 untuk menangani kelembapan ekonomi dan membantu meringankan beban rakyat seperti mana dua Pakej Rangsangan Ekonomi yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan.

24. **Y.B. Tuan John Teo Mau Sing [Kuala Penyu]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, bilakah sungai/parit di kawasan Dewan Undangan Negeri N.26 Kuala Penyu seperti berikut boleh diselenggara:-
- | | |
|----------------------|------------------------|
| i) Sungai Keruakan; | iv) Sungai Kilugus; |
| ii) Sungai Kasugira; | v) Sungai Tanjung Aru. |
| iii) Sungai Kasampa; | |
25. **Y.B. Tuan Johnny Goh (Inanam)** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN:-
- i) Apakah yang menyebabkan pembinaan tebatan Sungai Darau Menggatal terlalu perlahan; dan
 - ii) Apakah langkah yang sedang diambil oleh kementerian untuk menyegerakan pembinaan tebatan Sungai Tebodon-Keliangau dan Sungai Menggatal.
26. **Y.B. Datuk Haji Ramlee Marahaban [Bugaya]** bertanya kepada KETUA MENTERI, berapa ramaikah golongan profesional yang dilantik sebagai Pengurus atau Ahli Lembaga Pengarah dalam agensi-agensi kerajaan.
27. **Y.B. Tuan Dr. Joachim Gunsalam [Kundasang]** bertanya kepada MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, apakah tindakan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri untuk menangani masalah bangunan-bangunan Sekolah Rendah di Kawasan N.29 khususnya SK Kawiyan dan SK Mangkapoh yang sudah uzur dan tidak lagi selesa diguna oleh murid-murid sekolah.
28. **Y.B. Tuan Haji Ahmad Haji Bujang [Sindumin]** bertanya kepada KETUA MENTERI, sejauh manakah kejayaan operasi mengenai masalah pendatang tanpa izin yang dijalankan oleh kerajaan baru-baru ini dan patutkah ia diadakan lagi secara besar-besaran untuk mengelak Sabah didiami orang-orang yang kita tidak kehendaki.
29. **Y.B. Tuan Nilwan bin Kabang [Kunak]** bertanya kepada MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, bilakah pelaksanaan Sekolah Tabika yang selesa serta lengkap dengan kemudahan pembelajaran murid-murid yang mana masih banyak lagi Sekolah Tabika KEMAS ini menumpang di bangunan kerajaan dan seperti mana yang telah diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

30. **Y.B. Tuan John Teo Mau Sing [Kuala Penyu]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, apakah cadangan kerajaan untuk menangani tanah-tanah terbiar di kawasan Dewan Undangan Negeri N26 Kuala Penyu khasnya tanah sawah yang tidak diusahakan kerana masalah kekurangan mesin pembajak dan sumber air.
31. **Y.B. Tuan Au Kah Wah [Elopura]** bertanya kepada KETUA MENTERI, berapa jumlah Pendatang Tanpa Izin (PTI) yang telah ditahan dan dihantar kembali ke negara asal mereka dalam Operasi Bersepadu Pendatang Asing Tanpa Izin sejak tahun 2009 dan pada tahun 2008.
32. **Y.B. Datuk Haji Syed Abas Syed Ali [Balung]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, apakah usaha kerajaan dalam menambah bekalan tenaga elektrik di Sabah.
33. **Y.B. Tuan Masiung Banah [Kuamut]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, sejauh manakah perancangan kerajaan untuk menarik taraf Jalan Linayukan-Penangah seterusnya ke Daerah Nabawan.
34. **Y.B. Tuan Teo Chee Kang [Tanjong Kapor]** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah status pengazetan tapak tanah terletak di Kampung Gumpa, Kudat yang telah diukur dengan keluasan 313 ekar yang boleh menampung 2,000 lot kepada rezab kampung selaras dengan matlamat kerajaan untuk mencapai setinggan sifar menjelang 2010.
35. **Y.B. Datuk Zakaria Haji Mohd. Edris [Gum-Gum]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, adakah Projek Akuakultur berteknologi tinggi dapat diperluaskan di kawasan luar bandar terutama di kawasan di mana penduduk yang tinggal di persisiran pantai dan pulau agar kemiskinan tegar di kalangan nelayan dapat diatasi.
36. **Y.B. Datuk Mohd. Suhaili bin Hj. Said [Tungku]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, sejauh manakah perkembangan usaha untuk membina sistem pembentungan di Daerah Kecil Tungku seperti yang telah dibincangkan semasa lawatan YAB Ketua Menteri ke Daerah Kecil Tungku baru-baru ini.
37. **Y.B. Datuk Louis Rampas [Kiulu]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN, adakah kerajaan pernah membuat sebarang kajian mengenai keuntungan yang boleh diperolehi oleh kerajaan daripada penyewaan “*Tambalang Race Course*” dan juga untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai tapak tarikan pelancong atau lain-lain projek pembangunan.
38. **Y.B. Tuan Kamarlin Haji Ombi [Lumadan]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, adakah kerajaan negeri melalui agensi Kementerian Pertanian bercadang untuk mengusahakan dan

menempatkan golongan penduduk miskin tegar kawasan Lumadan untuk mengusahakan tanaman getah dan kelapa sawit.

39. **Y.B. Tuan Justin Guka [Bingkor]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR:-
 - i) Apakah asas atau dasar kerajaan untuk mengumumkan kelulusan peruntukan Projek Bekalan Air Keningau berjumlah RM210 juta pada tahun 2007;
 - ii) Apakah pula perkembangan dengan kelulusan tersebut.
40. **Y.B. Puan Anita Baranting [Tandek]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI/ MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, bilakah pembayaran pampasan kerosakan tanaman dan haiwan ternakan yang musnah akibat bencana alam banjir di Kota Marudu dibayar kepada pemilik.
41. **Y.B. Tuan Sarapin Magana (Matunggong)** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, berapakah peratusan kawasan luar bandar di seluruh Negeri Sabah yang diliputi dengan bekalan elektrik setakat ini.
42. **Y.B. Tuan Jimmy Wong Sze Phin [Sri Tanjung]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, adakah pihak kementerian memantau penjualan ikan di pasar Tawau yang bersaiz kecil dan belum matang yang dijual kepada orang ramai.
43. **Y.B. Datuk Samsudin Yahya [Sekong]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN, adakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi jumlah peruntukan pembangunan kepada setiap kawasan Dewan Undangan Negeri dengan mengambil kira keadaan ekonomi semasa bagi memastikan program-program pembangunan dan kesejahteraan rakyat akan terus mendapat pembelaan.
44. **Y.B. Datuk Liew Teck Chan [Likas]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT:-
 - i) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan supaya pekerja-pekerja tidak dibuang kerja sewenang-wenangnya oleh majikan dalam menghadapi kegawatan ekonomi; dan
 - ii) Berapakah jumlah penganggur yang ada di Negeri Sabah.
45. **Y.B. Tuan Johnny Goh (Inanam)** bertanya kepada KETUA MENTERI, adakah kerajaan dapat mempertimbangkan permohonan untuk menjadikan Tanah Rezab Perhutanan Tatahan yang pada masa ini di bawah jagaan Jabatan Perhutanan sebagai Tanah Rezab Perumahan Anak Negeri Tatahan.

46. **Y.B. Datuk Haji Ramlee Marahaban [Bugaya]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN, berikutan dengan pengumuman dua Paket Rangsangan Ekonomi oleh kerajaan pusat, apakah keutamaan dari segi pembangunan oleh kerajaan negeri untuk dilaksanakan daripada agihan Bajet Mini atau Paket Rangsangan Ekonomi tersebut.
47. **Y.B. Tuan Nilwan bin Kabang [Kunak]** bertanya kepada KETUA MENTERI, bilakah cadangan pembinaan Kampus Cawangan UMS di Daerah Kunak akan dilaksanakan memandangkan ia adalah salah satu janji pilihan raya yang lalu.
48. **Y.B. Datuk Liew Teck Chan [Likas]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, adakah kerajaan akan membina jalan raya Jejantas ‘Fly Over’ di kawasan bandar Kota Kinabalu, Tanjung Aru, Luyang, Likas, Penampang dan Inanam untuk mengatasi kesesakan lalu lintas.
49. **Y.B. Tuan Au Kah Wah [Elopura]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, sama ada pihak kementerian akan menaiktarafkan **Sungai Anio** bagi mengelakkan banjir kilat yang dilanda setiap kali hujan lebat sehingga menjelaskan sistem pembelajaran untuk tiga (3) buah sekolah di kawasan tersebut. Jika ada, bila akan dilaksanakan.
50. **Y.B. Datuk Haji Syed Abas Syed Ali [Balung]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, memandangkan keadaan semasa jalan raya Gading-Wakuba Tawau yang amat teruk, bilakah jalan ini akan dinaik taraf.
51. **Y.B. Tuan Masiung Banah [Kuamut]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, adakah kerajaan merancang untuk membina jalan bagi mukim/kampung yang belum dapat menikmati kemudahan jalan raya khususnya di Daerah Tongod.
52. **Y.B. Tuan Teo Chee Kang [Tanjong Kapor]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT:-
- Setakat manakah kemerosotan ekonomi global telah mengganggu pasaran pekerjaan dan tenaga manusia di Negeri Sabah; dan
 - Apakah statistik pengangguran di Negeri Sabah pada tahun 2008 dan kadar pengangguran jangkaan Negeri Sabah pada 2009 dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menghadapi masalah ini.
53. **Y.B. Datuk Louis Rampas [Kiulu]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, apakah jenis projek/program bagi rakyat miskin/termiskin yang dikenal pasti berkesan untuk mengeluarkan rakyat miskin/termiskin daripada belenggu kemiskinan dan berapakah setakat ini jumlah rakyat miskin/termiskin mengikut daerah yang berjaya dikeluarkan daripada daftar rakyat miskin/termiskin.

54. **Y.B. Tuan Justin Guka [Bingkor]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, apakah dasar pihak kerajaan untuk membantu JKKK membayar bil-bil elektrik dan bil-bil air yang tertunggak bagi bangunan balai raya kerajaan di kampung-kampung.
55. **Y.B. Puan Anita Baranting [Tandek]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI/ MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, adakah kerajaan bercadang untuk melakukan pemuliharaan dataran Sungai Bandau, Sungai Kanarom dan Kuala Bongon di Kota Marudu dalam kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah N.5 Tandek dan bilakah masa pelaksanaannya.
56. **Y.B. Tuan Jimmy Wong Sze Phin [Sri Tanjung]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, adakah garis panduan mengenai saiz ikan mengikut jenis yang boleh ditangkap seperti yang diamalkan di negara-negara lain seperti New Zealand.
57. **Y.B. Datuk Liew Teck Chan [Likas]** bertanya kepada KETUA MENTERI:-
- Apakah tindakan kerajaan terhadap skim-skim yang belum dibangunkan seperti Penempatan Biah dan Skim Penempatan Nabawan; dan
 - Adakah benar bahawa sebahagian daripada tanah-tanah skim tersebut telah diberikan kepada pihak individu-individu yang datang dari luar daripada penduduk yang menetap dalam skim penempatan berkenaan.
58. **Y.B. Datuk Louis Rampas [Kiulu]** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah inovasi yang diperkenalkan dalam pengurusan/perkhidmatan Pejabat Kemajuan Negeri Sabah untuk mengatasi kelemahan terutama sekali dalam pengurusan projek-projek kecil yang sering ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri selepas jabatan ini bertukar nama daripada Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah kepada Pejabat Pembangunan Negeri Sabah.
59. **Y.B. Puan Anita Baranting [Tandek]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI/ MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, bilakah masa pelaksanaan pengaspalan jalan raya Kg. Piso ke Kg. Gana di Kota Marudu di kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah N.5 Tandek.
60. **Y.B. Tuan Jimmy Wong Sze Phin [Sri Tanjung]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, bagaimana dan pihak manakah pekebun kecil kelapa sawit boleh memohon bantuan daripada RM50 juta yang disediakan oleh kerajaan.
61. **Y.B. Tuan Au Kah Wah [Elopura]** bertanya kepada MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, berapakah jumlah sumbangan yang diterima untuk tabung Program “Save Orang Utan” atau “Adopt An Orang Utan” dalam 10 tahun ini serta perbelanjaannya.

Soalan-soalan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.
